

ARTIKEL SURATKHABAR

Nama Suratkhobar : Harian Metro (Segmen Metroplus)

Tarikh: 18 Disember 2015 (Jumaat)

Mukasurat: 4

4
c | Metroplus

JUMAAT
18 DESEMBER 2015 Harian Metro

'Layan' buku dalam tren ETS

■ PNM edar 300 bahan bacaan pelbagai tajuk kepada penumpang dari KL ke Padang Besar

Oleh Fakhruzzazi Usudin
fakhruzzazi@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Umrut menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengambil inisiatif mengedarkan bahan bacaan kepada penumpang tren ETS di KL Sentral, di sini, baru-baru ini.

Ketua Pengarahnya, Nafisah Ahmad berkata, sebanyak 300 buku pelbagai tajuk diedarkan kepada pengguna ETS yang menaiki tren itu menuju ke Padang Besar, Perlis.

"Jadi dengan adanya bahan bacaan, penumpang boleh membaca buku yang diberikan dalam perjalanan yang mengambil masa hingga lima jam untuk ke destinasi mereka," katanya.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Ab Ghaffar A Tambi, Presiden Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Letnan Kolonel (B) Sarbini Tijan dan Ikon Membaca Kebangsaan, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor.

Nafisah berkata, berdasarkan kajian yang dilaksanakan PNM pada 2009, purata rakyat Malaysia membaca

lapan hingga 12 buku setahun.

"Ia menunjukkan peningkatan berikutan kajian terdahulu pada 1996 menunjukkan purata individu di Malaysia hanya membaca dua buku setahun. Walau bagaimanapun, ia masih tidak mencapai sasaran yang ditetapkan PNM iaitu 40 bu-

ku setahun," katanya.

Sementara itu, Sarbini berkata, KTMB akan mewujudkan ruangan khas untuk menempatkan bahan bacaan di dalam koc perkhidmatan ETS.

"Perjalanan dengan tren ETS biasanya mengambil masa empat hingga lima jam, jadi dengan adanya ruangan

bahan bacaan itu, ia akan membantu menanam minat membaca dalam kalangan penumpang kami," katanya.

Dr Sheikh Muszaphar yang juga Angkasawan Negara berkata, ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam memupuk minat membaca sejak anak mereka masih kecil.

"Dalam program menggalakkan budaya membaca ini, PNM menyasarkan individu untuk membaca empat buku sebulan, jadi cara berkenaan membolehkan seseorang membaca lebih 40 buku dalam setahun.

"Dari situ, pelbagai ilmu boleh didapati yang mampu menjadikan rakyat ne-

gara ini setanding rakyat negara maju dalam aspek ilmu pengetahuan," katanya.

Pada program sehari itu, PNM turut mengadakan pelbagai aktiviti untuk kanak-kanak seperti mewarna dan persembahan muzik tradisional kepada penumpang.



FAKTA
Kajian PNM pada 2009 menunjukkan purata rakyat Malaysia membaca 8 hingga 12 buku setahun

DR Sheikh Muszaphar (kiri) diringi Nafisah menyampaikan buku kepada kanak-kanak di dalam tren ETS.

Disiarkan untuk Demaran